



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON MUET TAHUN 2023

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
BANDAR BARU SELAYANG**

TARIKH KEMASKINI: 10 Julai 2023

**ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON
MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)
TAHUN 2023**

Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon MUET ini mengandungi maklumat yang berikut:

- 1 Syarat kelayakan untuk menduduki ujian MUET
- 2 Tempoh sah laku keputusan ujian MUET
- 3 Komponen ujian MUET
- 4 Bayaran untuk menduduki ujian MUET
- 5 Cara pendaftaran calon ujian MUET
 - 5.1 Calon sekolah/institusi
 - 5.2 Calon Persendirian Individu
- 6 Calon Berkeperluan Khas (CBK)
- 7 Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)
- 8 Tarikh pendaftaran dan tarikh ujian MUET
- 9 Angka giliran calon dan pusat ujian MUET
- 10 Slip Daftar MUET (MUET/D)
- 11 Pembetulan maklumat calon
- 12 Perpindahan pusat ujian MUET
- 13 Menumpang pusat ujian MUET
- 14 Penarikan diri
- 15 Keputusan ujian MUET
- 16 Rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET
- 17 Kehilangan Sijil MUET

1 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

Tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk menduduki ujian MUET.

2 TEMPOH SAH LAKU KEPUTUSAN UJIAN MUET

Tempoh sah laku keputusan ujian MUET ialah **lima tahun** mulai tarikh keputusan ujian MUET dikeluarkan.

3 KOMPONEN UJIAN MUET

Kertas yang ditawarkan dalam ujian MUET meliputi **empat komponen** seperti yang berikut:

| Kod Kertas | Nama Kertas |
|------------|-----------------------------|
| 800/1 | <i>Listening</i> (50 minit) |
| 800/2 | <i>Speaking</i> (30 minit) |
| 800/3 | <i>Reading</i> (75 minit) |
| 800/4 | <i>Writing</i> (75 minit) |

* Maklumat lanjut sila rujuk Sukatan Pelajaran MUET (*Regulations, Test Specifications, Test Format, and Sample Questions*) yang dapat diperoleh melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <http://www.mpm.edu.my>.

4 BAYARAN YURAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

(a) Bayaran yuran untuk menduduki ujian MUET adalah seperti yang berikut:

| | |
|--|-------------------|
| Calon Warganegara | : RM100.00 |
| Calon Bukan Warganegara | : RM350.00 |
| Caj perkhidmatan pengeposan sijil MUET | : RM10.00 |

(b) Mulai tahun 2023, pendaftaran MUET bagi **Calon Persendirian Individu tidak lagi menggunakan PIN MEC**, tetapi bayaran adalah secara **perbankan internet** secara dalam talian di pautan <https://muet.mpm.edu.my>.

(c) Bagi **Calon Sekolah/Institusi** yang mendaftar melalui sekolah/institusi pula, pendaftaran masih menggunakan PIN MEC. PIN MEC hanya boleh dibeli oleh:

- (i) pihak sekolah/insitusi **secara pukal di kaunter Bank Simpanan Nasional**
- (ii) calon sekolah/institusi juga boleh membeli secara individu di **kaunter Bank Simpanan Nasional**

Nota: **BSN akan mengenakan caj tambahan RM1.00 per calon bagi setiap pembelian nombor PIN MEC.**

(d) Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)** untuk rujukan calon selepas selesai pendaftaran secara dalam talian.

(e) Bayaran pembelian PIN MEC **tidak akan dikembalikan** sekiranya calon **gagal mendaftar** pada tarikh yang telah ditetapkan. PIN MEC yang telah dibeli itu juga **tidak boleh digunakan untuk mendaftar MUET sesi yang berikutnya.**

5 CARA PENDAFTARAN CALON UJIAN MUET

5.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran calon sekolah/institusi dibuat secara dalam talian oleh Setiausaha Peperiksaan MUET (SUP MUET) melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau pautan terus di <http://online.mpm.edu.my>.
- (b) Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP JPN) hendaklah terlebih dahulu mengemaskinikan maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat ujian sebelum pendaftaran dibuka.
- (c) Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama SUP MUET sekolah/institusinya kepada SPP JPN dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD).

- (d) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara dalam talian di peringkat daerah kepada semua SUP MUET sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh PPD.
- (e) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon ujian MUET untuk sekolah/institusi melalui portal MPM.
- (f) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan **Nama Pengguna** dan **Kata Laluan** daripada SPP JPN untuk log masuk ke dalam sistem pendaftaran dalam talian ini. SUP sekolah/institusi dinasihatkan untuk memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** di <http://online.mpm.edu.my> yang terpapar pada ikon "Sekolah/Institusi" untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (g) Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP MUET untuk menguruskan pendaftaran sekolah/institusinya dengan mengambil tindakan yang berikut:
- (i) Mengemaskinikan maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran dalam talian.
 - (ii) Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusinya yang ingin menduduki MUET.
 - (iii) Mengenalpasti Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain. **Calon buta atau rabun ini mesti didaftarkan pada urutan pertama dan seterusnya** bagi memudahkan MPM menyediakan kertas soalan Braille/Cetakan Besar untuk Ujian *Speaking* pada **Booklet 1 sahaja**.
 - (iv) Membuat permohonan bagi mendapatkan kemudahan dan keistimewaan sebagai calon CBK seperti tindakan pada **para 6**.
 - (v) Memastikan nombor PIN MEC disediakan dengan secukupnya oleh calon sekolah/institusi yang ingin menduduki ujian MUET. Nombor pengenalan diri calon pada PIN MEC juga hendaklah dipastikan betul bagi memastikan pendaftaran dapat dibuat tanpa sebarang masalah.
 - (vi) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP) seperti ejaan nama, nombor pengenalan diri, dan maklumat lain yang tercatat pada MUET/PP adalah betul, dan mengemaskinikannya jika terdapat pindaan oleh calon sebelum sistem pendaftaran ditutup. MUET/PP ini boleh digunakan sebagai **bukti pendaftaran telah dibuat** bagi menuntut Slip Daftar MUET (MUET/D) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D). **Tiada MUET/PP bermaksud pendaftaran calon tersebut tidak berjaya/tidak lengkap**.
 - (vii) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum membuat pengesahan secara dalam talian.
 - (viii) Menyemak MUET/D bagi calon sekolah/institusinya dan **menyediakan buku rekod** penyemakan MUET/D oleh calon.
 - (ix) Memaklumkan ke SPP JPN atau MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) di talian 03-61261661/1662 atau emel ke psm@mpm.edu.my dengan kadar **SEGERA**, jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan MUET/D (maklumat calon sekolah/institusinya tercicir).

- (x) Mematuhi tarikh akhir talian pendaftaran dalam talian dibuka dan penghantaran maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran yang berkaitan seperti yang telah ditetapkan oleh SPP JPN.

5.2 Calon Persendirian Individu

- (a) Pendaftaran Calon Persendirian Individu dibuat secara **dalam talian sahaja** melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau pautan terus di <https://muet.mpm.edu.my/>. Sebarang rayuan pendaftaran lewat secara manual tidak akan dilayan.
- (b) Calon Persendirian Individu dikehendaki merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** di <http://online.mpm.edu.my> dan juga **Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon 2023** untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (c) Pusat ujian untuk Calon Persendirian Individu adalah **terhad**. Oleh yang demikian, calon dikehendaki membuat pendaftaran dengan kadar segera sebaik sahaja pendaftaran dibuka.
- (d) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran tetapi **ketetapan adalah tertakluk kepada SPP JPN**. SPP JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (e) Bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan juga mendaftar secara dalam talian, tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah CBK dan keistimewaan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 6**.
- (f) Calon Persendirian Individu dikehendaki untuk **subscribe channel Telegram MUET rasmi** bagi sesi masing-masing bagi mendapatkan maklumat terkini berhubung MUET. Url bagi *channel* Telegram akan dicatatkan pada MUET/PP bagi setiap sesi. Sila rujuk **para 7** untuk maklumat berhubung MUET/PP.
- (g) MPM tidak akan bertanggungjawab sekiranya calon gagal menduduki MUET sekiranya calon tidak mendapatkan maklumat terkini daripada portal dan Facebook rasmi MPM, serta *channel* Telegram MUET rasmi.

6 CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)

- (a) Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan ke MPM selewat-lewatnya pada **17 Januari 2023** bagi MUET Sesi 1 tahun 2023, **11 April 2023** bagi MUET Sesi 2 tahun 2023, manakala **30 Ogos 2023** bagi MUET Sesi 3 tahun 2023.
- (b) Maklumat tentang ketidakupayaan dan keistimewaan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta)**, iaitu **MUET/C5 (Pindaan 2021)** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa**, iaitu **MUET/C6 (Pindaan 2021)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperolehi dan dicetak daripada portal MPM. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua/Ketua Jabatan (jika calon sekolah/institusi).
- (c) Kemudahan dan keistimewaan yang boleh diberikan kepada calon CBK hanya akan dipertimbangkan jika borang MUET/C5 (Pindaan 2021) atau MUET/C6

(Pindaan 2021) (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM. Kelewatan penghantaran borang tersebut akan menyebabkan calon tidak akan mendapat Kemudahan dan keistimewaan yang sepatutnya.

- (d) SPP JPN hendaklah mengumpulkan borang MUET/C5 (Pindaan 2021) atau MUET/C6 (Pindaan 2021) yang diterima daripada Calon Persendirian Individu dan menghantar borang tersebut ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan salinan ke SPP JPN (u.p **Ketua Penolong Pengarah Kanan/Ketua Penolong Pengarah**).

Untuk mendapatkan borang yang berkaitan, sila klik **MUET/C5 (Pindaan 2021)** atau **MUET/C6 (Pindaan 2021)**.

7 PENYATA PENDAFTARAN MUET (MUET/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui Penyata Pendaftaran Calon (MUET/PP). Pihak sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu hendaklah **mencetak/menyimpan dalam format pdf MUET/PP** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran MUET masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya MUET/PP gagal dicetak/disimpan.**
- (b) Jika terdapat sebarang pindaan pada nombor pengenalan diri atau ejaan, calon sekolah/institusi perlu mengemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/institusi untuk dikemaskinikan secara dalam manual di MPM. Sila rujuk **para 11** untuk memohon pembetulan maklumat.
- (c) Bagi Calon Persendirian Individu pula, calon perlu mengemaskinikan butiran pendaftaran sendiri secara manual dengan menghantar borang permohonan ke MPM dengan menyertakan bersama salinan pengenalan diri dan MUET/PP yang silap tersebut. Sila rujuk **para 11** untuk memohon pembetulan maklumat.

8 TARIKH PENDAFTARAN DAN TARIKH UJIAN MUET

Kalendar MUET Tahun 2023 dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM di <http://www.mpm.edu.my> untuk mengetahui tarikh pendaftaran, tarikh ujian *Speaking*, dan tarikh Ujian Bertulis.

9 ANGKA GILIRAN CALON DAN PUSAT UJIAN MUET

- (a) Angka giliran calon bagi semua calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui Slip Daftar MUET (MUET/D).
- (b) Penempatan Calon Persendirian Individu di sesebuah pusat ujian MUET adalah tertakluk kepada kelulusan SPP JPN. SPP JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat ujian lain selain daripada pusat ujian yang telah dipilih.
- (c) SPP JPN juga boleh menumpangkan calon sekolah/institusi di pusat ujian lain jika difikirkan bilangan calon di sekolah/institusi tersebut tidak ekonomik dari segi pengendalian ujian. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di sekolah/institusi tersebut, serta perlu dibuat perbincangan/perundingan dengan Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi yang berkenaan sebelum tindakan ini diambil.

10 SLIP DAFTAR MUET (MUET/D)

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki ujian MUET akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar MUET (MUET/D) melalui portal MPM atau pautan terus di <http://webmpm1.mpm.edu.my/muet/index.php> mulai **7 Februari 2023** bagi MUET Sesi 1 tahun 2023, **9 Mei 2023** bagi MUET Sesi 2 tahun 2023, manakala **27 September 2023** bagi ujian MUET Sesi 3 tahun 2023. Jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D, sila hubungi terus MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) di talian 03-61261661/1662 atau emel ke psm@mpm.edu.my dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi MPM melalui Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi masing-masing.
- (b) Calon Persendirian Individu perlu **menyemak dan mencetak MUET/D sendiri** dan **membawanya ke pusat ujian** pada hari ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian, manakala calon sekolah/institusi hanya perlu menyemak MUET/D masing-masing. SUP sekolah/institusi hendaklah **menyediakan buku log** bagi memastikan semua calon telah menyemak MUET/D masing-masing dengan merekodkan dalam buku log tersebut.
- (c) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MUET/D seperti nombor pengenalan diri, ejaan nama, angka giliran, pusat untuk menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian.

11 PEMBETULAN MAKLUMAT CALON

- (a) Calon hendaklah menyemak maklumat pendaftaran pada MUET/PP yang boleh dicetak dan disimpan dalam format pdf sebaik sahaja melengkapkan pendaftaran dalam talian bagi memastikan semua maklumat adalah betul. Sekiranya terdapat maklumat yang silap, calon boleh memohon pembetulan maklumat secara manual.
- (b) Sekiranya calon gagal mengemaskinikan maklumat dalam tempoh pendaftaran dibuka, maka calon hendaklah melengkapkan **Borang Pembetulan Maklumat Calon [MUET/C9 (Pindaan 2021)]** yang boleh dicetak daripada portal MPM dan menghantarnya dengan **kadar segera** ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi masing-masing. Permohonan pindaan dalam tempoh ini **tidak dikenakan bayaran** dan calon juga akan mendapat MUET/D kelak dengan semua maklumat yang telah dipinda.
- (c) Permohonan pembetulan maklumat yang diterima **dua minggu selepas MUET/D dimuatnaik** di portal MPM akan dikenakan bayaran **RM25.00**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draft** atas nama Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia. **MUET/D dengan maklumat yang silap, sah digunakan untuk menduduki MUET**. Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada **Ketua Pengawas** di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pembetulan hanya akan dibuat pada **Sijil MUET** yang akan dikeluarkan kelak sekiranya MPM menerima borang MUET/C9 (Pindaan 2021) berserta bayaran RM25.00.
- (d) Calon hendaklah menggunakan nombor pengenalan diri yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas dan akan menyusahkan calon sendiri.
- (e) Bagi permohonan pembetulan maklumat selepas keputusan ujian MUET diumumkan/Sijil MUET dicetak, calon perlu memohon Salinan Sijil MUET dengan mengemukakan **Borang Permohonan Salinan Sijil STPM/MUET [MPM/S2 (Pindaan 2021)]** dengan disertakan bayaran sebanyak **RM40.00** serta

melengkapkan borang MUET/C9 (Pindaan 2022) (tanpa bayaran). Mulai MUET Sesi 1 Tahun 2021, MPM tidak lagi menerima bayaran menggunakan Wang Pos.

Untuk mendapatkan borang **MUET/C9 (Pindaan 2021)**, sila klik **di sini**.

12 PERPINDAHAN MENUMPANG PUSAT UJIAN MUET

- (a) Perpindahan menumpang dari satu pusat ujian ke satu pusat ujian yang lain **adalah sangat terhad** dan bergantung kepada kapasiti pusat ujian yang masih mempunyai kekosongan dan boleh menampung calon selepas pusat ujian dikemaskini. Calon hendaklah memohon secara dalam talian melalui pautan http://apps.mpm.edu.my/pp_muets/public/register.
- (b) Permohonan perpindahan menumpang pusat ujian ini adalah untuk **SEMUA KERTAS sahaja** (*Listening, Speaking, Reading, dan Writing*).
- (c) Bayaran perpindahan menumpang pusat ujian MUET untuk calon persendirian individu ialah **RM25.00** manakala untuk calon sekolah/institusi ialah bayaran sebanyak **RM35.00** (termasuk kos pengeposan sijil sebanyak RM10.00) dan dibuat secara dalam talian melalui **perbankan elektronik**.
- (d) Permohonan pindah menumpang pusat ujian dibuka dalam tempoh **tujuh (7) hari** daripada tarikh MUET/D mula dimuatnaik di portal MPM.
- (e) Calon yang berjaya menukar tumpang pusat ujian hendaklah menyemak MUET/D baharu yang akan dikemaskinkan di portal MPM **dua minggu selepas permohonan ditutup**. MUET/D yang terdahulu adalah **terbatal**.

13 PENARIKAN DIRI

- (a) Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian MUET dikehendaki mengisi **Borang Calon Menarik Diri [MUET/C4 (Pindaan 2021)]** yang dapat diperolehi dan dicetak dari portal MPM. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke MPM bersama dengan surat bukti **sebelum** calon menduduki kertas ujian MUET yang **pertama**.
- (b) Calon yang menarik diri tidak akan dikembalikan yuran ujian **kecuali**
 - (i) calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kerajaan hendaklah dikemukakan)
 - (ii) calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya)
 - (iii) calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki **Institusi Pengajian Tinggi/melanjutkan pelajaran** (salinan surat tawaran hendaklah dikemukakan oleh calon).
- (c) Pada dasarnya, calon yang memohon untuk menangguh daripada menduduki ujian MUET adalah tidak akan dilayan, namun SPP JPN atau pihak sekolah/institusi boleh menasihati calon untuk mengemukakan rayuan ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) untuk tindakan selanjutnya.

Untuk mendapatkan borang **MUET/C4 (Pindaan 2021)**, sila klik **di sini**.

14 KEPUTUSAN UJIAN MUET

- (a) Keputusan ujian MUET bagi **calon sekolah/institusi** akan dihantar kepada Pengetua/Ketua Jabatan sekolah/institusi berkenaan melalui **SPP JPN**, manakala bagi Calon Persendirian Individu, ia akan dihantar secara **pos** ke alamat yang calon **daftarkan secara dalam talian**.
- (b) Calon juga boleh menyemak keputusan ujian MUET melalui portal MPM atau pautan terus di http://webmpm1.mpm.edu.my/muet_result/ atau melalui **SMS** dengan menaip **MUET<jarak>RESULT<jarak>nombor kad pengenalan** dan hantar ke **15888**.
- (c) Sijil Calon Persendirian Individu akan dipos kepada calon mengikut alamat surat menyurat yang digunakan semasa membuat pendaftaran. Pengeposan adalah menggunakan Pos biasa. Namun begitu, MPM memberikan tempoh **dua minggu** selepas MUET/D dimuatnaik sekiranya calon ingin menggunakan khidmat **Pos Laju** untuk pengeposan sijil. Satu paparan akan dipaparkan pada semakan MUET/D di portal MPM untuk tujuan permohonan dan pembayaran sebanyak **RM10.00** perlu dilakukan secara perbankan internet.
- (d) Calon Persendirian Individu yang ingin menukar alamat surat menyurat hendaklah mengambil tindakan pada **para 11** selewat-lewatnya **dua minggu** selepas ujian terakhir dijalankan. Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut akan menyebabkan tiada pembetulan alamat dilakukan dan Sijil MUET akan diposkan ke alamat yang sedia ada (seperti pada paparan MUET/D dan paparan semakan keputusan MUET di portal MPM).
- (e) MPM **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya Sijil MUET **hilang** semasa penghantaran pos atau **tidak sampai** ke alamat calon. Sekiranya calon tidak menerima sijil selepas **tiga minggu keputusan MUET diumumkan**, calon boleh mengemukakan permohonan mendapatkan Salinan Sijil MUET dengan melengkapkan **Borang Permohonan Salinan Sijil STPM/MUET [MPM/S2 (Pindaan 2021)]** dengan bayaran **RM40.00** dalam bentuk **Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draft** atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**. Mulai MUET Sesi 1 Tahun 2023, MPM **tidak lagi menerima bayaran menggunakan Wang Pos**.

Untuk mendapatkan borang **MUET/S2 (Pindaan 2021)**, sila klik **di sini**.

15 RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN MUET

- (a) Calon yang kurang berpuas hati dengan keputusan ujian MUET yang diperolehi boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan. Caj bagi rayuan penyemakan semula ialah **RM70.00**.
- (b) Tarikh permohonan rayuan penyemakan semula ini ialah pada **8 Jun 2023 hingga 14 Jun 2023** bagi MUET Sesi 1 tahun 2023, **4 hingga 13 September 2023** bagi MUET Sesi 2 tahun 2023, manakala pada **10 hingga 19 Januari 2023** bagi MUET Sesi 3 tahun 2023.
- (c) Permohonan adalah secara dalam talian di portal MPM atau pautan terus di http://webmpm1.mpm.edu.my/muet_ss/. Bayaran bagi permohonan ini adalah sepertimana yang dinyatakan pada para 16 (a) dan secara perbankan internet.
- (d) Keputusan rayuan penyemakan semula keputusan ujian MUET boleh disemak di portal MPM atau pautan terus di http://webmpm1.mpm.edu.my/muet_ss/status/ selepas **20 hari** dari tarikh tutup permohonan. MPM hanya akan **mengeluarkan Sijil MUET baharu** kepada calon yang berubah keputusan keseluruhan sahaja.

16 KEHILANGAN SIJIL MUET

- (a) Calon yang kehilangan Sijil MUET boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Salinan Sijil MUET. Salinan Sijil MUET ini sah digunakan untuk tujuan memohon kemasukan ke universiti, konvokesyen, dan lain-lain tujuan sebagaimana Sijil MUET yang asal.
- (b) Salinan Sijil MUET yang dimohon secara pos akan diposkan kembali kepada calon dalam tempoh **dua hari** selepas permohonan lengkap diterima di MPM. Jika permohonan di kaunter MPM, Salinan Sijil MUET akan dikeluarkan dalam tempoh **30 minit** daripada permohonan yang lengkap diterima di kaunter MPM.
- (c) Untuk membuat permohonan, calon perlu melengkapkan **Borang Permohonan Salinan Sijil STPM/MUET [MPM/S2 (Pindaan 2021)]** dengan disertakan bayaran **RM40.00** dalam bentuk **Kiriman Wang (Money Order)/Bank Draft** atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**. Mulai MUET Sesi 1 Tahun 2021, MPM tidak lagi menerima bayaran menggunakan Wang Pos.

Untuk mendapatkan borang **MUET/S2 (Pindaan 2021)**, sila klik **di sini**.